

15 MAY 1997

PM - Tiba

PM TIBA UNTUK LAWATAN KERJA SEHARI KE PERAK

IPOH, 15 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed dan isteri tiba di Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah di sini untuk lawatan kerja sehari dengan menaiki jet eksekutif pada pukul 8.45 pagi.

Kedua-dua mereka disambut oleh Menteri Besar Tan Sri Ramli Ngah Talib dan isteri, serta exco negeri, pegawai-pegawai kerajaan termasuk Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Abdul Habib Mansor serta pemimpin-pemimpin rakyat.

Dr Mahathir terus memulakan lawatannya ke Clearwater Sanctuary Golf Resort yang terletak di Batu Gajah kira-kira 30 km dari sini yang merupakan sebuah padang golf 27 lubang yang dibina di atas kawasan seluas 300 ha tanah bekas lombong.

Selepas itu, ke majlis perasmian Logi Janakuasa Lumut, iaitu loji pengeluaran tenaga persendirian di Segari kira-kira 10 km dari sini.

Loji janakuasa tenaga gas turbin bersepadu yang bernilai RM4,000 juta adalah yang terbesar di negara ini dan ketiga terbesar di dunia, berupaya menjanakan 1,303 megawatt bekalan elektrik setahun.

Projek itu dilaksanakan oleh Segari Energy Venture Sdn Bhd (SEV), sebuah usaha sama antara Malakoff Bhd (75 peratus ekuiti), Tenaga Nasional Berhad (20 peratus), dan Malaysian Resources Corporation Bhd (MRCB) (lima peratus).

Bekalan elektrik yang dijanakan akan dijual kepada TNB untuk tempoh konsensi 21 tahun.

Perdana Menteri kemudian akan ke kilang Safire Pharmaceuticals (M) Sdn Bhd, sebuah syarikat pengeluaran ubat-ubatan dan peralatan kebersihan milik Bumiputera di Taman Farmaseutikal Seri Iskandar (SIPP) kira-kira 35 km dari sini.

Safire, yang sebelum ini beroperasi di Segambut, Kuala Lumpur telah berpindah ke sini awal tahun ini yang meliputi kawasan enam hektar daripada kawasan seluas 112 hektar sehenti SIPP awal tahun ini.

Beliau selepas itu akan melawat Gua Tempurung, yang merupakan antara gua batu kapur tercantik di daerah Gopeng kira-kira 20 km sebelum berlepas pulang pada pukul 6.30 petang. -- BERNAMA

HK PBA OBA